

Penyelidik UPM ketuai penyelidikan vaksin COVID-19

Berita Utama - 2



"Gembang, kerja bersama sebagai satu pasukan"

Wawancara - 3



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA
BERILMU BERBAIKTI



UPM students return to campus

By: Noor Eszereen Juferi

Photo by: Mohammad Izrul Abdul Jabar

SERDANG, March 4 – Some 6,500 Universiti Putra Malaysia (UPM) students return to the Serdang campus and another 1,200 students at the Bintulu campus, Sarawak, for the hybrid teaching and learning (PdP) session beginning March 1, 2021.

UPM Deputy Vice-Chancellor (Student Affairs and Alumni), Prof. Dr. Arifin Abdu, said the management of student admission to residential colleges would be done according to zones, dates and sessions beginning March 4, 2021 to March 31, 2021.

"Students are required to fill in the Admission to UPM Residential College for Students during the Movement Control Order questionnaire via the link: <https://forms.gle/bsQfZyVX6nxCrYBT9> one day before the date of admission to the residential college," he said.

Students are also required to complete the UPM COVID-19 Risk Assessment via the URL address: <https://ertcovid19.upm.edu.my> on

the day of admission to the residential college by showing the results to the security personnel.

"The UPM COVID-19 Risk Assessment is also compulsory for students to fill in daily throughout their stay at the residential colleges. Among other measures taken to ensure safety of students are to place healthy students in a room that accommodates only one or two students as part of the monitoring process, while unwell students will be referred directly to the University Health Center (PKU) for further monitoring and care," he said.

Meanwhile, university students welcomed the registration process by adhering to the Standard Operating Procedure (SOP) and were happy to return to campus after one semester of online learning.

Faculty of Agriculture, Bachelor of Science in Plantation Management student, Mohamad Fahmi Abdullah, said the

registration process went smoothly and easily as the staff assisted him.

"This is my first time arriving at the Serdang campus, UPM, and I am ready to face the new norm of learning in campus," he said.

The former student of the UPM Bintulu Campus hoped that lecturers would be able to conduct field teaching according to the given SOP.

"As a student in the field of plantation management, I feel the need for practical training at plantations to enhance my understanding through the hands-on method," he said.

Faculty of Agriculture, Bachelor of Science in Aquaculture student, Azlin Syafini Salleh said she was excited to return to campus after a semester of studying online.

"I admit that the teaching and learning process in the new norm is quite challenging. I am excited to meet my classmates face-to-face to do our revisions

together," she said.

During this round of students' admission, parents were only allowed to drop off their children at the residential colleges assigned by the university. – UPM

"Meanwhile, university students welcomed the registration process by adhering to the Standard Operating Procedure (SOP) and were happy to return to campus after one semester of online learning."



UPM records outstanding achievement in Emerging Economies University Rankings 2021

By: Nor Hazlina Zamaruddin

SERDANG, March 9 – Universiti Putra Malaysia (UPM) has recorded outstanding achievement when it leapt 28 spots and listed at the 78th rank of the best universities compared to the 106th rank last year in the Times Higher Education (THE) Emerging Economies University Rankings 2021.

This placed UPM in the Top 100 group along with two other local universities out of the 606 international universities listed.

The rankings assessment uses five main criteria in which there are 13 similar indicators used in assessing the THE World University Rankings.

These five main criteria are Teaching (30%), Research (30%), Citations (20%), International Outlook (10%) and Industry Income (10%).

UPM's strength lies in the International Outlook criteria when it ranked 23rd best among the listed universities and was 2nd in Malaysia after Universiti Malaya.

The THE Emerging Economies Rankings, which was introduced in 2014, takes into account and evaluates institutions of higher learning in 48 countries defined by the London Stock Exchange's FTSE Group as developing or emerging countries ("Advanced Emerging",

"Secondary Emerging" or "Frontier").

The rankings were announced on March 9 in the THE World University Rankings official website, which can be accessed through the link: <https://www.timeshighereducation.com/world-university-rankings>. – UPM



UPM inks MoU with MTC, six Timber Associations

By: Noor Eszereen Juferi
Photo by: Marina Ismail

PUTRAJAYA, March 2 – Universiti Putra Malaysia (UPM) is among eight higher educational institutions (HEIs) to ink a Memorandum of Understanding (MoU) with the Malaysian Timber Council (MTC) and six Timber Associations.

The signing was held during the Launching Ceremony of the Engineer Placement and Internship Programme in the Timber Industry 2021 organised by MTC, here.

The MoU between the

Malaysian Timber Council (MTC), Timber Associations, HEIs and Polytechnics was witnessed by Minister of Higher Education, Datuk Seri Dr. Noraini Ahmad, and Minister of Plantation Industries and Commodities, Dato' Dr. Mohd Khairuddin Aman Razali.

The MoU will provide a platform for timber industry operators and HEIs to produce engineer placement and internship programmes and an opportunity for high impact research and collaboration.

Also present were YB Deputy Minister of Plantation

Industries and Commodities, Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng; Secretary-General of the Ministry of Higher Education, Datuk Seri Dr. Mazlan Yusoff; Secretary-General of the Ministry of Plantation Industries and Commodities, Datuk Ravi Muthayah; Member of the MTC Board of Trustees, Dato' Ahmad Nadzarudin Abdul Razak, Chief Executive Officer of MTC, Tuan Muhtar Suhaili and UPM Deputy Vice Chancellor (Research and Innovation), UPM Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus who is performing the duties of Vice Chancellor UPM. – UPM



NOTA KETUA EDITOR

Dua puluh dua puluh satu...

2021 bukanlah suatu tahun yang mudah. Ada pihak percaya ia seolah-olah sambungan daripada 2020 yang menyaksikan negara dan kita sebagai rakyat menghadapi krisis kemanusiaan terburuk dalam sejarah. Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak terlepas daripada sorotan ini namun tetap gagah mengharungnya dengan penuh kesabaran dan kecekalan.



Pada Mac 2021, kampus kembali dibuka. Tidak semua pelajar yang kembali ke kampus kerana hanya melibatkan sekumpulan pelajar tertentu sahaja. Justeru, pembelajaran secara dalam talian perlu diteruskan. Apa yang jelas, penggunaan teknologi dalam tadbir urus dan operasi universiti semakin radikal dan meluas. Sebagai contoh, Pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) pada 29 Mac lalu, menggunakan aplikasi telefon pintar buat pertama kali.

Laporan khas kali ini memilih isu yang cukup kritikal, iaitu kesejahteraan warga kampus. UPM melalui Institusi Pengajian Sains Sosial (IPSS) sedang menjalankan kajian Indeks Kesejahteraan bertujuan melihat tahap kesejahteraan warga UPM ketika melaksanakan tugas dan amanah mereka. Kesejahteraan warga UPM sangat penting kerana ia umpsama pemangkin kepada semua kejayaan dan pencapaian universiti.

Beberapa aktiviti dan peristiwa penting sepanjang Januari hingga Mac tahun ini diabadikan dalam Tribun Putra, Bilangan 103. Lebih menarik, keluaran kali ini mengetengahkan konsep dan reka letak baharu yang lebih segar dan menarik. Ini semua dilakukan demi meningkatkan kualiti penerbitan dan tahap kepuasan pembaca sama ada warga UPM atau masyarakat umum.

Selamat membaca dan Salam Ramadan Mubarak 1442 Hijrah.

Mohd Izani Mohd Zain

UPM IPT pertama guna aplikasi telefon pintar untuk pilihan raya kampus

Oleh: Noor Eszereen Juferi
Foto oleh: Marina Ismail

SERDANG, 29 Mac – Universiti Putra Malaysia (UPM) menjadi Institusi Pengajian Tinggi (IPT) pertama menggunakan aplikasi telefon pintar untuk pengundian pilihan raya kampus apabila melaksanakan pengundian sepenuhnya secara atas talian ketika pilihan raya kampus Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM 2021.

Aplikasi telefon pintar itu – PUTRA® Voting – dibangunkan khas oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC), UPM.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), UPM, Prof. Dato' Dr. Zulkifli Idrus berkata aplikasi yang berdasarkan persekitaran telefon pintar itu dilengkapi dengan sistem kawalan pengenalan identiti atau UPM ID dan boleh dicapai oleh pelajar melalui Android atau iOS.

"Pembangunan aplikasi PUTRA Voting juga merupakan inisiatif

pendigitalan kampus pintar UPM dan melalui aplikasi tersebut pelajar tidak perlu hadir di kampus dan pengundian boleh dilakukan di mana-mana sahaja dengan menggunakan telefon pintar masing-masing," katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof. Dr. Arifin Abdu pula berkata PUTRA Voting adalah transformasi sistem aplikasi e-kertas undi yang dinaiaktarafkan selaras dengan pelaksanaan norma baharu.

"UPM menjadi perintis kepada penggunaan aplikasi ini. Saya yakin aplikasi ini dapat memberi impak yang positif kepada proses pengundian kerana ia dapat dilaksanakan dengan lebih efektif dan pantas," katanya.

Beliau yang juga Jawatankuasa Penasihat Pemilihan MPP berkata berkaitan aspek keselamatan, iDEC UPM menggunakan nombor pin yang diberi kepada pelajar untuk memastikan mereka mengundi.

"UPM merupakan universiti yang menggunakan UPM ID iaitu UPM Virtual ID. Secara virtual ID itu digunakan oleh pelajar untuk mendaftar di dalam PUTRA® Voting," katanya.

Waktu pengundian secara atas talian dibuka dari jam 9 pagi hingga 6 petang. Keputusan PMPP UPM 2021 akan diisyitiharkan secara rasmi secara dalam talian (Facebook Live), yang akan bersiaran bermula jam 9 malam semasa sesi penjumlahan undi. – UPM



Penyelidik UPM ketuai penyelidikan vaksin COVID-19

Oleh: Nor Adilla Alfadzil

SERDANG – Penyelidik Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Datuk Paduka Dr. Khatijah Mohd Yusoff mengetuai penyelidikan bagi membangunkan vaksin COVID-19.

Beliau dibantu oleh beberapa penyelidik UPM, Institut Penyelidikan Veterinar (VRI) dan Pakar dari Universiti of Oxford dengan menggunakan Newcastle Disease Virus (NDV) untuk membangunkan vaksin itu.

Kajian yang dimulakan pada Mac tahun ini turut menerima peruntukan RM2.7 juta di bawah MOSTI Combating COVID-19 Fund (MCCOF), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

Menerusi peruntukan MCCOF, tempoh 18 bulan diberikan untuk menghasilkan vaksin COVID-19 sehingga ke fasa praklinikal yang akan diuji terhadap haiwan dan semestinya dilakukan di Malaysia.

Prof. Datuk Paduka Dr. Khatijah, pakar mikrobiologi dan virologi yang berpengalaman lebih 30 tahun mengkaji NDV, berkata NDV yang dipencarkan daripada ayam di negara ini akan digunakan dan bertindak sebagai vektor bagi merangsang sistem imun manusia menghasilkan antibodi menentang COVID-19.

Kepakaran dan pengalaman

beliau dalam penyelidikan membangunkan vaksin NDV untuk melawan kanser, bagi menghasilkan vaksin COVID-19 itu akan digunakan sepenuhnya. NDV tidak menjangkiti manusia tetapi menjangkiti burung atau ayam sahaja.

Beliau yakin vaksin itu selamat digunakan untuk manusia.

Katanya, ini adalah titik permulaan bagi para penyelidik di Malaysia untuk membangunkan vaksin bagi penyakit-penyakit lain pada masa depan. – UPM



UPM tuan rumah The 7th International Workshop on UI-Greenmetric World University Rankings



World University Ranking

Oleh: Zainul Luqman Zainul Ikhwan

SERDANG – Pengasas UI-GreenMetric World University Rankings, Universitas Indonesia telah melantik UPM sebagai tuan rumah The 7th International Workshop on UI-GreenMetric World University Rankings (IWGM 2021). Tema tahun ini menekankan kepada Universiti, UI-GreenMetric, dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) pada Waktu Pandemik yang akan diadakan pada 13 hingga 15 Julai ini.

Pengarah Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, UPM, Prof. Dr. Daud Ahmad Israf Ali berkata beliau berharap pada masa depan program bertemakan kelestarian akan lebih banyak dilaksanakan untuk melahirkan pelajar dan komuniti yang bijak terhadap isu-isu globalisasi.

IWGM 2021 akan membincangkan topik seperti Isu dan Inovasi dalam Pengurusan Penetapan dan Infrastruktur, Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Tenaga, Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Sisa, Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Air, Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Pengangkutan serta Isu dan Inovasi dalam Menguruskan Bidang Pendidikan.

Meskipun wabak global sedang berlaku, kedua-dua universiti iaitu UPM dan Universitas Indonesia memberi komitmen penuh bagi memastikan kejayaan IWGM 2021. Bengkel ini akan dijalankan secara dalam talian bagi tahun kedua berturut-turut disebabkan pandemik semasa dan akan disertai sebanyak 912 buah universiti dari 84 negara. Untuk maklumat lebih lanjut: <http://greenmetric.ui.ac.id/events-3/> – UPM



Pelajar UPM sertai Pidato Ecobrick Intervarsiti

SERDANG, 7 Feb – Lima pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM) menyertai Pertandingan Pidato Ecobrick Intervarsiti yang diadakan secara secara dalam talian, yang bertujuan membantu membina keyakinan peserta semasa berpidato.

Pertandingan itu diadakan dengan kerjasama Kelab Debat Bahasa Melayu, UPM dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan berlangsung selama sebulan. Ia diadili panel juri dari Kelab Debat Bahasa Melayu, UPM dan DBP.

Pertandingan itu adalah pengisian kedua yang dijalankan semasa Program Ecobrick: Strive for a Better Future yang diadakan dari 10 hingga 23 Januari 2021. Pengumuman keputusan pemenang pertandingan dibuat melalui hebatan media sosial.

Pelajar Bachelor Sains Statistik dengan Pendidikan Kepujian, Fakulti Sains, Auni Syakirah Anuar berkata pertandingan itu sesuai diadakan memandangkan sesi bual bicara mengenai ecobrick telah diadakan secara siaran langsung di Facebook sebelum ini.

"Pertandingan ini dapat menambahkan lagi pengetahuan peserta mengenai ecobrick kerana perkara yang diujah dalam pidato merupakan pengisian mengenai ecobrick," katanya.

Ketua program, Nurul Izzati Sazali berkata pertandingan bertujuan meningkatkan kesedaran pelajar mengenai isu semasa berkaitan penggunaan plastik dan kepentingan menjaga alam sekitar.

Ia dijalankan secara dalam talian ekoran pandemik COVID-19. – UPM



"Gembeleng, kerja bersama sebagai satu pasukan"

UPM mahu hala tuju bagi menyokong kelestarian institusi mapan diperkuuhkan, dan mewujudkan 'work-life balance' bagi mempertingkatkan lagi kesejahteraan warganya. Ikti temu bual TRIBUN PUTRA oleh Azman Zakaria dengan Pendaftar UPM yang baharu, Encik Muhamam Mansor mengenai aspirasinya.

Tahniah atas pelantikan sebagai Pendaftar Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk tempoh dua tahun berkuatkuasa 4 Januari 2021. Bagaimana Encik Muhamam melihat kepada kepercayaan tinggi UPM kepada Encik Muhamam menggalas tugas besar ini?

Saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang menggalas tanggungjawab dan amanah ini. Saya akan bersama pihak pengurusan Universiti untuk memenuhi hasrat UPM. Kita baru mendengar Naratif daripada Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman, dan elemen-elemen yang dinyatakan itu perlu kita sama-sama dokong dan sokong untuk proses pelaksanaannya bagi mencapai apa yang dihasratkan Naib Canselor.

Di sebalik pelbagai kejayaan dalam negara dan di persada antarabangsa yang dikehendaki oleh UPM, sebagai Pendaftar baharu, bagaimanakah strategi dan halatuju Pejabat Pendaftar bagi menyokong kelestarian institusi mapan?

Daripada perspektif sumber manusia berkaitan kelestarian institusi mapan ini sebagaimana juga dalam naratif Naib Canselor, saya melihat yang pertamanya aspek berkaitan indeks kesejahteraan warga UPM. Kita bekerjasama dengan Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) yang telah merangka soalan dan melakukan kajian indeks kesejahteraan warga UPM. Kita bersetuju dengan indeks yang dibangunkan dan dibuat edaran kepada semua warga UPM. Berdasarkan dapatan hasil kajian itu, kita akan semak untuk memastikan 'work-life balance' (keseimbangan kerja dengan kehidupan) staf dapat dicapai, dan juga melihat apa yang staf tidak puas hati. Bagusnya kajian ini ialah respondennya lebih menyeluruh.

Yang keduanya, saya telah berjumpa dengan beberapa pakar psikiatri, kaunselor psikologi pensyarah dan kaunselor Bahagian Hal Ehwal Pelajar. Kita lihat ramai staf yang mengalami masalah 'stress' sehingga membawa kepada psikiatri. Puncanya menyeluruh seperti masalah keluarga dan keberhutungan yang serius, sehingga ada yang pergi kepada WAZAN dan ahlong, dan ada sehingga tidak datang kerja. Kita telah panggil pakar-pakar ini untuk membentuk jawatankuasa kerana sebelum ini program seperti ini bersifat ad-hoc.

Kita akan panggil antara 50 dan 60 staf termasuk kumpulan sasaran untuk program yang akan dibuat secara berstruktur, mengikut kepada punca masalah itu.

Kita mahu ada data yang lengkap di Sumber Manusia untuk memudahkan usaha menangani dan membantu staf seperti ini. Ketua-ketua Pusat Tanggung Jawab (PTJ) perlu faham dan mengambil tindakan yang bersesuaian



Muhamam Mansor

“ kita akan semak untuk memastikan ‘work-life balance’ staf dapat dicapai ”

kepada staf seperti ini dan bukan tindakan secara pulut rata kerana staf mempunyai masalah yang berbeza,

Kejayaan sesebuah organisasi bergantung kepada kebolehan dan keupayaan staf dan kakitangan melaksanakan tanggungjawab. Dalam hal ini, tadbir urus atau 'good governance' amat penting dalam amalan pengurusan. Apakah cabaran dan juga bentuk penerapan dan penekanan yang diberikan oleh UPM dalam mempertingkatkan lagi kualiti tadbir urus. Apakah indeks kesejahteraan dan kesannya dalam kualiti tadbir urus UPM?

Saya melihat pertamanya proses di Pejabat Pendaftar perlu diperbaiki dahulu sebab jika di induk ini kita tidak boleh kenal pasti fokus kerja, maka sistem itu tidak akan berjalan dengan baik. Kena laksanakan sistem yang cekap dan efisyen di Pejabat Pendaftar dahulu. Sebelum ini di sini tidak ada kekerapan perbincangan antara semua bahagian, jadi semua bahagian pengurusan sumber manusia kena lebih kerap berjumpa dan berbincang.

Untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan dan memudahkan pemegang taruh, pensyarah, pegawai pelaksana dan lain-lain, saya sudah masukkan dalam KPI universiti berkaitan 'human resource transformation system'. Melaluiinya jika ada pelantikan, kenaikan pangkat, elauan atau seumpama, maklumat yang dimasukkan dalam sistem ini akan dapat dibaca dan diperoleh oleh bahagian lain. Dahulu maklumat seperti ini tidak boleh diakses atau dibaca oleh bahagian lain menyebabkan mereka perlu juga key-in maklumat secara manual.

Bila dibuat secara manual, maka kebarangkalian untuk berlaku kesilapan memang tinggi. Jadi, antara kebaikan sistem baharu ini ialah kalau maklumat sudah di 'key-in' di satu tempat, maka semua orang atau bahagian boleh baca dan rujuk. Fasa 2 pelaksanaan sistem ini akan selesai hujung tahun ini, manakala fasa terakhir iaitu Fasa 3 pada tahun hadapan.

Integriti dalam diri staf juga amat penting. Bagaimana sebagai Pendaftar, Encik Muhamam melihat perspektif ini, dan bagaimana menggarapnya lagi agar sentiasa menjadi dokongan setiap staf?

Saya sendiri kena pamer nilai itu untuk sama-sama diteladani, termasuk berkaitan tanggungjawab, kerja yang perlu diselesaikan, dan kedatangan. Dalam keadaan sekarang, integriti ini termasuk ketika Bekerja Dari Rumah (BDR). Staf yang balik kampung untuk menziarah ahli keluarga atau saudara yang sakit, mesti mengambil cuti rehat dan tidak boleh menyatakan mereka bekerja dari rumah di kampung.

Kita bekerja dalam satu pasukan, justeru nilai-nilai yang kita kongsi ini kena ada kebersamaan dan keterangkuman. Saya sudah berbincang isu yang berbangkit berkaitan BDR dengan Persatuan Pentadbir UPM dan Kesatuan Kakitangan Am UPM (KEPERTAMA) supaya kita sama-sama cakna mendidik dan mengingatkan staf. Usaha mendidik dan mengingatkan staf boleh dibuat secara lebih agresif melalui mesyuarat Webinar, kursus atau ceramah secara maya.

Kita akan buat edaran dan makluman kepada staf mengenai perihalnya untuk mengikuti peraturan, dan ini kena dilihat selalu. Kita kena tanam rasa syukur sebab dalam tempoh PKP ini kita masih dibayar gaji penuh. Jangan ambil kesempatan daripadanya. Kita perlu sedar ada insan di luar sana yang tidak dapat kerja atau dibayar separuh gaji ketika PKP.

Bagi meneruskan kesinambungan kecemerlangan UPM, usaha pembangunan dan melahirkan bakat berprestasi tinggi dalam kalangan staf juga penting ke arah pemilikan modal insan yang produktif. Bagaimanakah usaha pembangunan bakat dalam norma baharu ini dilaksanakan?

Dalam aspek pembangunan bakat, sekarang kita perkenalkan konsep 'competency base talent management' dengan tumpuan kepada penghasilan kerja staf. Kita hendak melihat kompetensi yang berfokus dan lebih menyeluruh.

Kita ada berbincang berkaitan skim penyelidikan yang sedang ditambah baik, pelan penggantian dan seumpamanya. Apabila ketua bahagian dilantik, kita kena sediakan mereka dengan aspek nilai kepemimpinan dan kompetensi yang perlu ada sebagai ketua pentadbir di PTJ. Pembangunan bakat adalah holistik, perlu ikuti banyak latihan dan kursus.

Masyarakat melihat dan mengukur kejayaan sesebuah institusi pengajian tinggi juga berdasarkan kepada kualiti dan daya saing graduannya. Boleh huraiakan usaha memperkasa UPM daripada segi penyampaian perkhidmatan sebagai pusat kecemerlangan pertanian.

Saya telah buat perbincangan dengan Pengarah Taman Pertanian Universiti (TPU), Timbalannya dan dua staf TPU untuk memperkasakan pertanian. Kita akan lihat penstrukturkan organisasi, pecahan bahagian, seksyen, skop kerja, penambahan staf, laluan karier dan penempatan semula. Mungkin akan diwujudkan bahagian baharu seperti pemasaran.

Apakah halangan dan cabaran yang perlu dilalui oleh UPM dalam hal ehwal pentadbiran untuk terus gah di persada dunia pengajian tinggi tanah air dan global, lebih-lebih lagi dalam situasi pandemik Covid-19 ini?

Cabaran untuk memenuhi prosedur dalam audit dalaman. Memastikan semua prosedur diikuti serta memperbaiki apa yang ditegur dan tidak mengulangi kesilapan. Tatkala PKP ini pula ialah dalam mengoptimumkan produktiviti ketika BDR dan memastikan staf di rumah betul-betul bekerja. Mereka mesti berada di rumah yang didaftar dan perlu datang ke pejabat apabila diminta oleh ketua.

Harapan saya melalui tugas ini ialah supaya kita sebagai penjawat awam menggembeleng dan bekerja bersama-sama dalam keterangkuman kerja berpasukan untuk mencapai hasrat Universiti. Kita tertakluk kepada peraturan dan jangan pandang remeh perkara ini.



Aplikasi teknologi tinggi ubah landskap agromakanan

Menurut laporan Indeks Sekuriti Makanan Global 2019, Malaysia menduduki tangga ke 28 dengan nilai skor 73.8% berbanding dengan negara jiran Singapura yang menduduki tangga pertama dengan nilai skor 87.4%. Dengan jumlah penduduk seramai hampir 33 juta orang, isu sekuriti makanan merupakan agenda utama negara. Kebergantungan kepada import perlu dikurangkan dengan merancang strategi yang mampu meningkatkan pengeluaran agromakanan.

Dalam petikan RMKe-12 (2021-2025) yang dibentangkan pada awal tahun 2021, tumpuan khusus diberikan kepada transformasi sektor pertanian melalui Revolusi Industri 4.0. Sasarannya untuk memberi suntikan lebih moden kepada bidang pertanian melalui penggunaan teknologi tinggi yang lebih meluas.

Aplikasi teknologi tinggi mampu memberi perubahan yang besar kepada landskap agromakanan negara.

Keperluan transformasi dan pemodenan bidang pertanian adalah untuk memastikan keselamatan dan sekuriti makanan negara terjamin.

Pertanian berteknologi tinggi merujuk kepada penggunaan teknologi terkini dalam pertanian seperti penderia, penderian jarak jauh, data raya, kecerdasan buatan, teknologi dron, teknologi kebendaan (IoT), dan integrasi sistem digital. Kemajuan dalam aplikasi tersebut dapat memastikan aktiviti pertanian akan lebih menguntungkan, efisien, selamat dan lestari.

Dalam sektor penghasilan tanaman makanan jangka pendek seperti sayur-sayuran, pembangunan kilang tanaman yang dilengkapi dengan sistem automasi, mekanisasi dan sistem penderia dapat memberi manfaat dan pulangan yang lumayan kepada pengusaha. Ia berupaya melipat gandakan hasil tanaman di dalam ruang yang terhad. Selain daripada itu dengan teknologi kawalan sistem tertutup, dilengkapi

dengan keperluan nutrien dan karbon dioksida yang optimum serta kawalan suhu yang teratur membolehkan tanaman bernilai tinggi dan tanaman temperat diusahakan sepanjang masa tanpa bergantung kepada cuaca semasa.

Teknologi pertanian persis memberi kelebihan kepada petani untuk mengendali input pertanian seperti keperluan nutrien, baja dan racun perosak dengan lebih sistematik dan terkawal. Selain daripada itu dengan gabungan teknologi satelit dari Global Positioning System (GPS) dan data penderian jarak jauh (Remote Sensing Data) membantu petani membuat keputusan yang tepat dalam penentuan lokasi, keperluan cuaca mikro dan kandungan nutrient tanah. Ini dapat mengurangkan pembaziran dan ketidakcekapan sumber pertanian. Penggunaan dron melalui sistem kawalan jarak jauh bagi aplikasi baja dan racun perosak pula

dapat mengurangkan kos tenaga buruh.

Teknologi robotik pula membolehkan pemantauan dan pengurusan sumber semula jadi seperti air dan kualiti udara dilaksanakan secara cekap. Ia juga memberi peluang kepada pengusaha pertanian untuk mengawal pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan penyimpanan hasil tanaman dan ternakan mereka.

Transformasi sektor pertanian di Malaysia yang berdasarkan teknologi tinggi bakal memberi suntikan baharu kepada golongan belia untuk lebih bermotivasi menceburkan diri dalam bidang pertanian.

Sehubungan itu, transformasi program akademik pertanian perlu dibentuk agar struktur kurikulum yang digubal selari dengan ilmu pertanian berteknologi tinggi semasa yang menitikberatkan pengalaman 'hand-on' dan fleksibel. Graduan yang lahir bakal menjadi peneraju bidang pertanian seterusnya



Oleh : Prof. Madya Dr. Nur Azura Adam
Dekan Fakulti Pertanian, UPM

agroteknoprenur yang bakal mentransformasi pertanian ke arah kerjaya berpendapatan tinggi.

Quality Perception on Higher Educational Institutions

By : Prof. Dr. Noor Azman Ali
Deputy Director, Center of Quality Assurance, UPM



The assessment of higher education quality management is always based on the stakeholders' perceptions, based on how they have identified and interpreted the information shared by the institutions.

Quality is one of the fundamental assessments for higher educational institutions' (HEI) performances where stakeholders will evaluate their performances and functions.

Quality perception is vital as stakeholders will evaluate on whether the HEI have performed according to what they have expected or vice-versa. Stakeholders' perceptions are myriad in forms and ways, but generally, the perceptions can be identified into two - academic scholarly and non-academic perspectives.

The academic scholarly perspective is assessed through the activities of teaching and learning conducted by higher educational institutions as this is one pertinent aspect of their functions.

The other academic perspective is the research activities which are conducted to ensure that higher educational institutions can proceed to move forward in the frontier of knowledge in research activities.

HEI are supposed to be able to entice and convince the stakeholders to invest in their research activities by proving that their research outputs can provide good returns for the community and industry.

The non-academic activities of HEI is to provide an expedient environment for extracurricular activities so that students can develop all of the required qualities a part of the soft skills required by potential employers.

These aspects will determine the capability of HEI is based on the competency of their academic and administrative staff.

Every higher educational institution is supposed to develop their own LMS to make sure that their academic activities are at

par with the Industrial Revolution 4.0, academic applications requirements on the internet and artificial intelligence as all these requirements for technological infrastructure is no more an option.

HEI are supposed to be able to promote their reputations and functional activities related to knowledge transfer and information-sharing activities to their stakeholders.

In conclusion, the perceptions of stakeholders on quality performances of higher educational institutions are significant to paint the right image of the institutions as what is expected by their stakeholders.

There is no doubt that quality perception helps to wield influence on those entities who carry out the assessments and in ensuring that HEI are always regarded as imperative and reputable institutions in the perspective of their stakeholders and among academic community.

“The academic scholarly perspective is assessed through the activities of teaching and learning conducted by higher educational institutions as this is one pertinent aspect of their functions.”



Bancian Suara Hati Putra demi keselamatan warga UPM

Oleh : Azman Zakaria

Keseimbangan kerja dengan kehidupan inti pati penting untuk keselamatan, meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, dan menjaga kebijakan staf. Ke arah itu, UPM tidak memungkirkannya malah menyantuni dan mengambil kira hasrat warganya dari peringkat akar umbi melalui Bancian Suara Hati Putra dalam pelaksanaannya. Ikuti tulisan TRIBUN PUTRA oleh Azman Zakaria.



Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad

SERDANG : Universiti Putra Malaysia (UPM) melangkah ke arah mewujudkan suasana persekitaran pekerjaan yang lebih mesra warganya, dengan mengambil kira keseimbangan kerja dengan kehidupan (work-life balance), dengan matlamat menjadikan institusi itu memiliki ciri-ciri yang diidamkan warganya sesuai dengan statusnya yang ber reputasi antarabangsa.

Sehubungan itu, Bancian Suara Hati Putra dijalankan oleh Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS) UPM bagi menyantuni warga UPM untuk mengetahui dan mengambil kira hasrat mereka mengenai fokus, aspirasi dan hala tuju universiti yang diidamkan.

Pengarah IPSAS, Prof. Dr. Ismi Arif Ismail berkata melalui bancian itu, UPM dapat mendengar secara langsung suara hati warganya termasuk pegawai tadbir dan pelaksana, mengenai apa yang mereka rasakan mengenai universiti pada masa ini, dan apa mereka mahukan ada pada universiti itu pada masa depan.

"Dengan ini, keputusan yang dibuat bukan pendekatan berbentuk 'top-down' tetapi berdasarkan denyut nadi dari peringkat akar umbi," katanya.

Selain keseimbangan kerja dengan kehidupan, katanya, dapat daripada kajian yang dijalankan itu ialah supaya UPM lebih menjaga kebijakan staf dan pelajar, fokus kepada keselamatan, memperbaikkan pembangunan staf melalui kursus atau latihan, serta memperkasa sistem dalam talian UPM.

Katanya, ada juga responden yang menyarankan agar UPM lebih memudahkan urusan kenaikan pangkat staf, menekankan pembangunan sahsiah dan rohani, fokus penjagaan kesihatan mental, meningkatkan kolaborasi dengan industri dan menokok penjanaan pendapatan.

Menurutnya, warga universiti turut berpendapat UPM perlu menerajui bidang pertanian dan makanan di negara ini serta menyumbang kepada masyarakat kerana ada yang merasakan UPM terlalu mengejar KPI antarabangsa dan mengabaikan tanggungjawab kepada masyarakat.

Prof. Dr. Ismi berkata, sebagai universiti bereputasi antarabangsa, segala bentuk kemudahan dan prasarana termasuk jalan raya, tandas dan seumpamanya juga perlu bertaraf antarabangsa, agar persepsi universiti bereputasi antarabangsa sentiasa terpelihara.

"Dengan itu, pelajar termasuk dari luar negara benar-benar dapat merasakan mereka belajar dalam universiti bertaraf antarabangsa dan tidak membuat perbandingan yang sama antara UPM dan universiti yang tidak bereputasi antarabangsa di negara mereka," katanya.

Beliau juga berkata, melalui maklumat daripada bancian yang dijalankan, UPM akan dapat mengetahui indeks keselamatan sama ada tinggi atau rendah, dan perbandingan indeks antara PTJ, seterusnya mengambil tindakan sewajarnya bagi meningkatkan indeks berkenaan.

"Kita harap bancian seumpama ini dapat dijalankan setiap tahun supaya ada 'dedicated platform' (pelantar khusus) untuk staf dan pelajar melahirkan persepsi mereka, untuk diambil kira dalam melestarikan UPM," katanya.

Penyelidik Bersekutu IPSAS, Prof. Madya Dr. Mohd Mursyid Arshad pula berkata, pengumpulan data Kajian Suara Hati Putra dilakukan menggunakan kaedah penyelidikan kualitatif dengan menganalisis dokumen dari maklum balas bagi soalan terbuka (open-ended question), dan penyelidikan kualitatif bagi menghuraikan masalah dan membina kefahaman.

Berhubung keselamatan staf, beliau berkata, terdapat enam dapatan utama kajian yang boleh diperkenalkan, iaitu memperbaikkan peluang latihan mengikut keperluan, menekankan agenda kesihatan fizikal dan mental, meneruskan fleksibiliti bekerja dari rumah, meningkatkan kemudahan infrastruktur UPM, penetapan KPI yang realistik, mendengar suara staf serta persekitaran kerja yang kurang birokrasi dan fleksibel.

Bagi cadangan penambahbaikan untuk pengajaran dan pembelajaran, dapatannya termasuk bahawa terdapat banyak komputer yang tidak selari dengan keperluan semasa, memberikan lebih fleksibiliti kepada pengajaran pensyarah, memperkasa PutraBlast termasuk sistem pembelajaran atas talian, meningkatkan kemudahan kuliah dan amali serta penyediaan alatan pembelajaran menggunakan teknologi semasa.



Prof. Dr. Ismi Arif

Dr. Mohd Mursyid yang juga Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Pendidikan berkata bagi cadangan usaha pembangunan pelajar, ia termasuk pembangunan keusahawanan seperti usahawan tani, memperbanyak kerjasama dalaman dan industri luar untuk keusahawanan dan menyediakan lebih banyak tapak keusahawanan pelajar dalam kampus.

Berkaitan penyelidikan dan inovasi pula, UPM perlu meningkatkan lagi tahap kecemerlangan dan mewujudkan persekitaran kampus yang sejahtera bagi penyelidikan dan inovasi merangkumi instatif khas kepada penyelidikan dan penerbitan, memperkasa infrastruktur dan makmal penyelidikan, memudahkan urusan pengurusan geran, menambah dana penyelidikan dan menggalakkan aktiviti pembudayaan inovasi.

Bagi memantapkan penerbitan pula, ia merangkumi usaha pemberian insentif dan bantuan 'proof read' untuk penerbitan, insentif kepada setiap jenis penerbitan, memberi markah atas usaha penghantaran artikel walaupun ditolak, memperbanyak insentif dan galakan penulisan bersama-sama pelajar, mengiktiraf penulisan popular dan advokasi awam, penentuan wajaran penerbitan wajar diberi fleksibiliti, dan terus mengiktiraf jurnal berindeks ERA dan Scopus.

Untuk meningkatkan lagi jaringan industri dan masyarakat pula, ia merangkumi melipat ganda usaha jaringan kerjasama dengan industri, memperbanyak dan mempermudah geran jaringan komuniti, menawarkan kepakaran yang dimiliki UPM kepada masyarakat, manakala pelajar perlu dide dahukan dengan masyarakat dan membina jaringan, dan UPM perlu menjadi juara dalam mendekati masyarakat. - UPM



www.upm.edu.my

Jom isi
**SUARA HATI
PUTRA** #SuaraHatiPutra

Pandangan anda mampu mewujudkan persekitaran kerja yang sejahtera ke arah kecemerlangan UPM sebagai Menara Ilmu.

Rujuk Pada Pautan Yang Tertera:

1. Pegawai Akademik
<https://forms.gle/CxL2XjmFBehk6h3g8>
2. Pegawai Bukan Akademik & Staf Pelaksana
<https://forms.gle/h1cTE9gqq8fyQASy7>
3. Pelajar
<https://forms.gle/PwwUr7hFSS1pu5JF8>

**MULAI
9 - 16
DISEMBER
2020**



MTB bicycle pedal with magnetic locksystem enhances riders' safety

By : Azman Zakaria

SERDANG : A group of researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) has successfully created an innovative mountain bike (MTB) pedal, equipped with a magnetic lock system and safety features for riders.

The innovation, named SAMPS – Self Align Magnetic Bicycle Pedal is designed with biomechanical consideration that emphasises on the characteristics of analysing a rider's leg movement while riding.

The magnetic groove functions as a self-locking system that facilitates a rider during the clip on and clip off movement to ensure the rider's feet are always in a static position while riding.

Leader of the research group, Ts. Dr. Mohd Shahrizal Dolah,

said it aims to avoid physical injuries or accidents among riders.

He said the leg static condition is important to prevent injuries, increase leg power stroke, increase efficiency and reduce energy consumption.

He said SAMPS is a flat bicycle pedal that combines magnetic and self-locking groove system to give more confidence to riders.

He said it uses a flat pedal which has the same function as the clipless pedal.

The flat pedal surface provides a comfortable ride and confidence to riders.

"The magnetic pedal facilitates the static condition of the rider's leg, especially during the downhill route.

"Meanwhile, the

self-locking pedal system facilitates biomechanical movement, making it easier for riders to lock and unlock the foot position," he said.

He added that the fieldwork conducted in Malaysia from 2016 to 2019 showed that 85.2% of MTB riders involved in accidents and sustained physical injuries due to mishandling of the bicycle pedal.

The action design research was adopted as the main research method, where the author was actively involved and participated in MTB events to obtain the primary data.

Ts. Dr. Mohd Shahrizal from the Faculty of Design and Architecture said 22 design factors were identified and 20 per cent of them were listed to be used as the Product Design

Specifications (PDS) to help reduce physical injuries as well as to maintain the comfort and safety of riders.

He said the advantage of this product is the self-aligning bicycle pedal locking system which facilitates the riders during the clip on and off movement, while the magnetic system of the bicycle pedal facilitates the static condition of the rider's leg while riding.

He said it is an effective, low cost and user-friendly bicycle pedal for riders to enhance their mountain biking performance and safety.




The research began in October 2016 and ended in September 2019, and the product has been patented.

Besides him, the members of the research group are Ts. Shahruh Azman Shahbudin,

Dr. Saiful Hasley Ramly, Raja Ahmad Azmeer Raja Ahmad Effendi and Muhammad Amaludin Amran. – UPM



Innovation in cancer treatment: higher effectiveness, lower cost



SERDANG : A group of researchers from Universiti Putra Malaysia (UPM) has succeeded in developing an innovation that can treat cancer more efficiently and reduce treatment cost.

The innovation, named 'Combination Chemotherapy of Ruthenium [Ru (dppz)2PIP]2+ (RuPIP) and Olaparib for Cancer Treatment', uses a combination of drug treatment methods involving the new ruthenium (II) complex, [Ru(dppz)2PIP]2+ (or RuPIP) and poly polymerase inhibitor (ADP-ribosa) (PARP), olaparib.

The aim of the research with the new combination treatment is to produce synergistic effects, expand therapeutic effects and reduce side effects of combination drugs. To date, conventional chemotherapy using a single agent treatment has been proven to be less effective due to chemoresistance.

Head of the research group, Assoc. Prof. Dr. Haslina Ahmad from the Department of Chemistry, Faculty of Science, UPM, said the existing platinum-based chemotherapy drugs such as 'cisplatin' have been approved by the Food and Drug Administration (FDA) to treat cancer. However, due to their high toxicity risks that lead to adverse side effects, the use of these drugs in cancer treatment has been limited.

Furthermore, she said there is also the risk of drug resistance that causes a relapse when undergoing chemotherapy using a single agent such as 'cisplatin' is carried out.

She said the shortcomings of the existing anticancer drugs have triggered the need to replace the drugs with suitable alternatives, thus the use of the new combination method to increase treatment effectiveness without the adverse side effects.

Assoc. Prof. Dr. Haslina said the use of ruthenium complex based on polypyridil ligands, RuPIP, provided a suitable alternative for platinum-based chemotherapy drugs. Ruthenium complex has been extensively studied as an anticancer agent and has been shown to be more effective and has a wider therapeutic range compared to the platinum-based chemotherapy drugs. It is also effective on cancer cells that have developed resistance towards the existing chemotherapy drug 'cisplatin'.

According to her, olaparib is a type of inhibitor (inhibitor olaparib) PARP that prevents cancer cells from repairing DNA damage. Olaparib has been the sole agent to treat breast and ovarian cancers since its approval by the FDA in 2015.

She said the function of RuPIP as an anticancer agent has been studied before. It acts by damaging DNA during cell division. Since cancer cells divide rapidly, RuPIP acts more selectively against cancer cells than normal cells. She added that since the ability to repair DNA is important for cell survival, the use of olaparib can prevent cancer cells from repairing the DNA after being damaged by

RuPIP, which in turn results in cell death. Studies show that the combined treatment of RuPIP-olaparib can produce synergistic effects in killing various types of cancer cells such as breast, lung and bladder cancers with minimum effects on normal tissues.

These findings show that the combination therapy of RuPIP-olaparib has a higher level of effectiveness despite using a lower dosage than a single agent, and this will effectively reduce treatment cost. It also has the potential to overcome drug resistance and minimise the impact on normal cells which will reduce side effects such as hair loss that patients often experience while undergoing chemotherapy treatment.

"The combined RuPIP-olaparib therapy can extend a patient's survival rate compared to the treatment using a single agent, and it is able to stop the progression of the disease from becoming worse or relapse and reduce the cost of maintenance therapy," she said.

The innovative research started in September 2018 and ended in September 2020. Working together with her in the research are Assoc. Prof. Dr. Chia Suet Lin, Prof. Dr. Mohd Basyaruddin Abdul Rahman and Nur Ainie Yusoh. – UPM

Date seeds become powdered drink



By: Nor Azizah Ismail

SERDANG, Jan 7 – Date seeds, which are usually a waste product, can provide various health benefits to humans, especially for consumers concerned about healthy eating.

A researcher from the Faculty of Agriculture, Universiti Putra Malaysia (UPM), Assoc. Prof. Dr. Siti Salwa Abd Ghani, made an innovation in coffee powder from date seeds, which can increase the potential of date seeds as an alternative to coffee and provide health benefits.

She said date seeds that were turned into fine powder could be a high potential health drink.

"The powder is optimal and dissolves in water quickly," she said.

She said the idea was developed following an increase in demand by modern consumers who focus on food and beverage products that bring health benefits and a healthy diet.

The innovation also applied the concept of 'waste to wealth' through the production of the date seed beverage. More interestingly, the cost of making the date seed coffee powder was lower at RM1.00/10g because the ingredients used were 100% natural and extraction was done using water, compared to other health drinks which were more expensive because they have to go through many more processes.

From studies conducted, she found that date seeds contained minerals, vitamins and antioxidants that were ten times higher than the date itself, which can stabilise blood sugar level, increase insulin sensitivity and serve as an anti-cancer agent.

It does not contain acid and caffeine, and it provides high return benefits on health and economy, reduces environmental waste and provides added value to the date farming industry.

The formulation of this coffee powder production was based on simple manufacturing methods using heat and water extract treatment.

According to her, her team is now in the process of collaborating with a food manufacturing company that has shown interest in commercialising the innovation. Team members involved in the innovation are Assoc. Prof. Dr. Uswatun Hasanah Zaidan, Dr. Mohd Izuan Effendi Halmi and Suziyyana Hosni.

The Date Seed Coffee innovation won the bronze medal at the International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX) 2020. – UPM

UPM bekerjasama dengan KPT dalam pembangunan Modul Komunikasi Risiko Bencana



PUTRAJAYA – Bencana COVID-19 yang melanda telah membuka mata banyak pihak bahawa dunia hari ini terdedah dengan pelbagai jenis risiko. Dalam keadaan bencana, aspek komunikasi menjadi nadi utama bagi memastikan risiko dapat ditangani dengan baik.

Satu penyelidikan berkaitan komunikasi risiko bencana sedang dijalankan oleh kumpulan penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mereka diketuai oleh Prof. Dr. Azmawani Abd Rahman, dari Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE). Ahli projek terdiri dari Prof. Madya Dr Mohd Rafee Baharudin dari Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain dari Fakulti Ekologi Manusia, dan Prof. Ir. Ts. Dr. Mohamed Thariq Hameed Sultan dari Fakulti Kejuruteraan.

Kajian ini telah mendapat pembentukan daripada badan antarabangsa, United States Agency for International Development (USAID), melalui Malaysia One Health University Network (MyOHUN). Baru-baru ini, satu perbincangan antara penyelidik dengan Setiausaha Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT, Dato' Shahruddin Abu Sohot) telah diadakan. Beberapa perbincangan lain berkaitan isu, cabaran, dan perancangan masa hadapan yang lebih strategik telah diadakan bersama Bahagian Education Malaysia (BEM) dan Bahagian Mahasiswa Holistik (BMH), Jabatan Pengajian Tinggi (JPT), KPT.

KPT akan bekerjasama dengan pasukan penyelidik dalam membangunkan modul Komunikasi Risiko Bencana. Modul yang menekankan aspek struktur, koordinasi, dokumentasi, dan amalan terbaik dalam komunikasi risiko bakal menjadi panduan kepada seluruh warga Institusi Pengajian Tinggi (IPT).

Untuk memastikan kesinambungan dan kejayaan jangka panjang, IPT perlu mempunyai kapasiti untuk menguruskan risiko bencana dengan baik dan ini perlu dimulakan dengan kefahaman berkaitan risiko dan aspek komunikasi dalam pengurusan risiko.

Ini merupakan asas penting untuk memastikan institusi pengajian tinggi mempunyai kebolehan dalam mengenalpasti risiko, mengurangkan impak, dan melonjak dengan cepat setelah berakhirnya sesuatu bencana.

Modul itu juga adalah salah satu inisiatif penting dalam menjayakan kempen pembudayaan norma baharu seiring dengan gagasan KPT Prihatin. Dalam pembudayaan norma baharu, modul ini meletakkan amalan norma baharu bukan sekadar melihat kepada risiko bahaya, tetapi komunikasi yang menumpu kepada risiko kelangsungan dan daya saing institusi – UPM

UPM terima mesin memproses padi RM100,000

Oleh Dr. Muhammad Hazwan Hamzah

SERDANG – Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM) menerima empat mesin memproses padi bernilai RM100,000 hasil sumbangan IPMA Industry Sdn. Bhd. dengan kerjasama Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) dan Persatuan Jurutera Pertanian dan Makanan Malaysia (MSAE).

Mesin memproses padi tersebut diserahkan kepada Jabatan Kejuruteraan Biologi dan Pertanian serta Jabatan Kejuruteraan Proses dan Makanan, UPM.

Empat mesin memproses padi itu adalah small scale pre-cleaner, paddy huller, cylinder grader dan polisher.

Sumbangan itu adalah permulaan kerjasama antara UPM dan IPMA Industry Sdn Bhd yang merupakan pengeluar utama jentera dan mesin memproses padi di Malaysia.

Mesin berkenaan dapat membantu pelajar untuk mempelajari teknologi terkini yang digunakan dalam industri pemprosesan padi. Sokongan dan sumbangan daripada industri

amat diperlukan oleh universiti dalam melahirkan graduan berkualiti.

Sementara itu, kerjasama sinergetik itu diteruskan dalam R&D Transdisciplinary Research Grant Scheme (TRGS) bagi projek meningkatkan produktiviti beras pulut dan kelestarian melalui amalan pertanian pintar yang diketuai oleh penyelidik di Pusat Penyelidikan Teknologi Pertanian Pintar (SFTRC), UPM, Prof. Madya. Ir. Dr. Norhashila Hashim.

Inisiatif kerjasama antara UPM dan IPMA Industry Sdn Bhd mampu melonjak perkhidmatan jaringan industri dan masyarakat serta memperkasa UPM sebagai pusat kecemerlangan pertanian di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Hubungan kerjasama ini melonjakkan lagi pendekatan berdasarkan model Quintuple helix, gabungan antara akademia universiti, industri, komuniti, kerajaan dan alam sekitar dalam memberi solusi kepada isu-isu nasional dan antarabangsa. – UPM.



Sukarelawan KPT-UPM bantu mangsa banjir



MARAN, 12 Jan – Universiti Putra Malaysia (UPM) menggerakkan lebih daripada 100 staf dan pelajar dari kampus UPM Serdang dalam misi sukarelawan KPT-UPM ke Kg. Kuala Sentul, Maran, Pahang bagi membantu meringankan beban mangsa banjir di beberapa kawasan di situ.

Misi diketuai Ketua Bahagian Hal Ehwal dan Alumni, UPM, Nuruliman Ibrahim, dan turut disertai Ketua Bahagian Perumahan dan Penempatan UPM, Mohamed Shukri Mohamed Noor, Yang Dipertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UPM, Alif Akmal, wakil MPP, Fera Novianti, staf dan fello UPM.

Naib Canselor UPM, Prof. Dr. Roslan Sulaiman, mengucapkan terima kasih kepada staf dan pelajar yang terlibat dalam misi itu dan berharap khidmat bakti yang dihulurkan dapat memberi sedikit kelegaan kepada mangsa banjir.

“Saya berharap bantuan yang dihulurkan sedikit sebanyak dapat membantu mangsa banjir dan

diharapkan sifat cakna daripada staf dan pelajar UPM akan diamalkan secara berterusan untuk meningkatkan lagi budaya prihatin dalam menangani krisis bencana alam di Malaysia,” katanya.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UPM, Prof. Dr Arifin Abdu berkata misi kesukarelawan itu berfokus kepada bantuan daripada segi kewangan, keperluan harian dan pembersihan kawasan perumahan yang terjejas teruk akibat banjir.

“Misi itu adalah salah satu wadah dalam usaha memberi peluang kepada staf dan pelajar UPM untuk berkhidmat dan berbakti kepada komuniti dan masyarakat, di samping menyahut seruan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk menghasilkan graduan kental masa hadapan yang terlibat sama dalam misi dan program seperti ini,” katanya.

Pelbagai peralatan untuk kerja-kerja pembersihan dibawa dari UPM bagi melancarkan aktiviti yang dijalankan. – UPM



UPM fokus lima strategi sebagai menara ilmu

SERDANG, 5 Feb – Universiti Putra Malaysia (UPM) memfokuskan lima strategi utama - Memacu Pertanian Berteknologi Tinggi, Membangun Karetor Graduan UPM, Melagang Kampus Pintar dan Pendigitalan, Mendukung Kelestarian Institusi Mapan dan Menatang Pembudayaan Norma Baharu - bagi memperkuatkan hasrat sebagai menara ilmu yang disegani.

Naib Canselor, Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman berkata UPM juga akan memberi tumpuan utama kepada transformasi pertanian melibatkan "Menggema Seruan

penggunaan teknologi terkini sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini.

"Pertanian berteknologi tinggi ini melibatkan penggunaan dron, sistem pertanian pintar, kecerdasan buatan (AI) dan data raya dengan dibantu peningkatan penggunaan mekanisasi, benih bermutu yang riang penyakit serta berdaya tahan tinggi daripada kesan perubahan iklim serta amalan agronomik mapan," katanya ketika menyampaikan ucapan dalam Naratif Naib Canselor 2021 bertemakan

AI-Falah dari Menara Ilmu" secara dalam talian.

Beliau berkata, UPM dipilih oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) untuk membangunkan Program Bacelor Teknologi Pertanian Pintar bagi memenuhi hasrat menghasilkan graduan yang bakal menerajui sektor pertanian pintar negara.

"Program ini telah mendapat kelulusan Senat Universiti dan akan ditawarkan tidak lama lagi. Intervensi kurikulum program pertanian bagi memperkasakan bidang pertanian perlu dilaksanakan bagi

melahirkan graduan yang berkemahiran dengan teknologi terkini serta berpengetahuan dalam ilmu pengurusan perniagaan dan kewangan," katanya.

Beliau juga berkata, UPM menyahut hasrat KPT untuk menyokong agenda pendigitalan melalui beberapa inisiatif dan strategi pelaksanaan kampus pintar bagi tempoh 2021-2025.

Katanya, usaha ke arah pendigitalan telah digerakkan melalui 30 inisiatif kampus pintar yang meliputi empat kluster iaitu Digital Learning, Smart Manage, Secure Campus

dan IoT Application.

Sebuah inisiatif kampus pintar itu akan dijenamakan dengan nama Smart PUTRA®.

Pada majlis itu, Prof. Dr. Mohd Roslan turut melancarkan Sambutan Jubli Emas 50 Tahun UPM sebagai sebuah universiti (1971-2021).

Pelbagai program dan aktiviti menarik telah disusun sepanjang 2021.

Antaranya penjualan Gold Bar, penerbitan buku Coffee Table '50 Jewels of UPM' dan persembahan Konsert Diraja hasil kerjasama Pusat Kebudayaan dan Keseniaan Sultan


Salahuddin Abdul Aziz Shah (PKSSAAS), UPM dan Radio Televisyen Malaysia (RTM).

Majlis Naratif Naib Canselor UPM itu diadakan bagi menzahirkan aspirasi Naib Canselor UPM yang ke-9, Prof. Dr. Mohd Roslan untuk mengemudi universiti agar terus cemerlang sebagai sebuah menara ilmu dan institusi keilmuan yang disegani. - UPM



MyAgeing™ anjur forum nasional tingkat kesedaran vaksinasi warga emas

Oleh: Noor Eszereen Juferi



SERDANG, 20 Feb – Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing™), Universiti Putra Malaysia (UPM) menganjurkan Forum Nasional untuk mempertingkat kesedaran mengenai pelan vaksinasi bagi warga emas dan meneroka isu keengganahan vaksinasi (vaccine hesitation).

Ia dianjurkan dengan kerjasama Persatuan Penjagaan Warga Emas Malaysia (AgeCOPE), Persatuan Perubatan Geriatrik Malaysia (MSGM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Ahmad Amzad Mohamed @ Hashim berkata suntikan vaksinasi akan diberikan seawal mungkin dan perlu diutamakan kepada warga emas petugas barisan hadapan di pusat jagaan warga emas.

"Vaksinasi kakitangan dan penghuni kakitangan warga emas adalah satu usaha mengurangkan risiko jangkitan COVID-19. Kita perlu mencapai muafakat daripada segi mekanisme pelaksanaan yang paling berkesan untuk semua pihak," katanya.

Beliau berkata, penganjuran forum itu dapat menjadi medan perkongsian dan sebagai platform untuk maklum balas dari pemilik, pengendali, kakitangan, penghuni dan ahli keluarga di pusat jagaan berkediaman warga emas, sama ada yang berdaftar mahupun tidak, dalam Program Vaksinasi Nasional.

"Daripada segi pelaksanaan vaksinasi, pusat jagaan warga emas dan rumah jagaan kejururawatan adalah unik kerana vaksinasi perlu dijalankan secara on-site di premis pusat jagaan dan bukan melalui kaedah pendaftaran dan temujanji seperti yang dikhususkan kepada orang awam," katanya.

Pengarah MyAgeing™, Prof. Madya Ir. Dr. Siti Anom Ahmad berkata forum itu meneroka isu keengganahan vaksinasi serta kaedah pelaksanaan vaksinasi yang terbaik dengan mengambil kira pandangan dan kesediaan pelbagai pihak.

Katanya, pelaksanaan vaksinasi adalah penting untuk kakitangan dan penghuni pusat jagaan berkediaman warga emas termasuk institusi kebajikan kerajaan, pusat jagaan warga emas dan rumah jagaan kejururawatan. - UPM

sebelum vaksinasi dilaksanakan.

Turut hadir, Ketua Perwakilan dan Wakil Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) ke Malaysia, Brunei Darussalam dan Singapura, Dr. Jacqueline Lo Ying-Ru.

Beliau juga menyentuh tentang keperluan vaksinasi kepada warga emas dan petugas barisan hadapan di pusat jagaan untuk mengelakkan penularan dan kematian yang banyak seperti yang berlaku di Amerika Syarikat dan Eropah. Hampir dua pertiga daripada jumlah rekod kematian COVID-19 adalah daripada kalangan warga emas berumur 60 tahun dan ke atas.

KKM telah menjalankan saringan ujian COVID-19 pada Mei 2020 dan memulakan proses pra-pendaftaran bagi vaksin COVID-19 sejak Januari 2021 untuk merancang proses vaksinasi kakitangan dan penghuni pusat jagaan warga emas dan rumah jagaan kejururawatan.

- UPM



Program UPM Alumni Golden Fit

Oleh: Pusat Perhubungan Alumni

SERDANG, 5 Feb – Kumpulan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Chapter Student Ambassador (CSA) dengan kerjasama Pusat Perhubungan Alumni UPM, Persatuan Alumni UPM, Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM dan KDS Apparel menganjurkan program UPM Alumni Golden Fit, sehingga 30 Jun ini.

Program itu yang diadakan bersamaan sambutan Perayaan Jubli Emas 50 Tahun (1971-2021) UPM, adalah acara kecergasan maya untuk mempromosikan amalan gaya hidup sihat dalam kalangan masyarakat terutamanya alumni UPM ketika pandemik COVID-19.

Program itu membawa hasrat untuk mengembalikan semula alumni ke alma mater secara dalam talian walau pun pada situasi yang menduga.

Pendaftaran acara ini dibuka bermula 5 Februari lalu. Alumni UPM, warga UPM dan orang awam dijemput menyertainya melalui pautan yang dihebahkan melalui media sosial rasmi Pusat Perhubungan Alumni UPM.

Peserta boleh merekod aktiviti kecergasan mereka selepas pendaftaran dengan menggunakan aplikasi kecergasan seperti Strava, Runtastic, Nike Run Club dan Runtracker.

Dua kategori yang ditawarkan ialah 25 km dan 50 km. Peserta boleh melakukan pelbagai aktiviti kecergasan seperti larian, kayuhan dan berjalan kaki, malah penggunaan pengisar injakan juga diambil kira untuk peserta melengkapkan jarak yang dipilih.

Pelbagai cenderamata eksklusif yang direka khas bersamaan sambutan 50 tahun UPM boleh dimiliki oleh peserta. Antaranya ialah bajut-penamat, medal emas dan perak, pelitup muka dan e-sijil. Kisah inspirasi daripada ikon contoh dalam kalangan alumni UPM yang aktif melakukan amalan hidup sihat, juga disajikan. - UPM



Tribun PUTRA®

EDITORIAL TRIBUN PUTRA

PENASIHAT • Prof. Dr. Daud Ahmad Israf Ali **KETUA EDITOR** • Prof. Madya Dr. Mohd Izani Mohd Zain **EDITOR** • Mohammad Nazry Hisham
WARTAWAN • Azman Zakaria • Noor Eszereen Juferi **PEMBANTU WARTAWAN** • Nor Adilla Alfadzil
JURUFOTO • Marina Ismail • Noor Azeen Awang • Mohammad Izrul Abdul Jabar
PENYELENGGARA ONLINE • Rosliza Ibrahim **PEMBANTU PENGEDARAN** • Suhami Yaakub

Keutamaan pemilihan berita dan foto dalam akhbar Tribun Putra ialah berita korporat yang memaparkan pencapaian utama UPM dan berita yang paling berimpak tinggi di peringkat negara dan antarabangsa. Berita yang tidak terpilih untuk disiarkan dalam akhbar Tribun Putra akan disiarkan dalam berita laman web rasmi UPM. Pemilihan berita dan foto ialah hak eksklusif Editorial Tribun Putra.

Telefon : 03-9769 6021 • **Faksimili** : 03-97698972 • **E-mail** : mohd_izani@upm.edu.my | tp_pspk@upm.edu.my

Diterbitkan oleh Pusat Strategi dan Perhubungan Korporat, Tingkat 3, Bangunan Canselor Putra, Universiti Putra Malaysia, 43400 UPM, Serdang, Selangor
Dicetak oleh ALAMEDIA SDN. BHD., NO. 14 Jalan Lp 1A/5, Taman Lestari Perdana, 43300 Seri Kembangan, Selangor